



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 16 Julai 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



KEJADIAN tular baru-baru ini membabitkan EPS di Lebuhraya Utara-Selatan berhampiran Hentian Sebelah Pedas-Linggi.

KPDN batal permit!

Penarik kereta berlagak samseng bakal diambil tindakan tegas

Oleh Sri Ayu Kartika Amri
 kartika@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan mengambil tindakan tegas terhadap penarik kereta yang berlagak samseng dan mengugut pengguna di lebuhraya, susulan satu kejadian tular baru-baru ini membabitkan ejen pemilikan semula (EPS) di Lebuhraya Utara-Selatan berhampiran Hentian Sebelah Pedas-Linggi.

Menurut kenyataan rasmi Bahagian Penguat Kuasa KPDN, pihaknya sudah mengenal pasti ejen yang terbabit selepas pihakny bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan tindakan penguatkuasaan sudah diambil.

saan sudah diambil.

KPDN berkata, kementerian akan membatalkan permit EPS berkenaan kerana melanggar kod etika dan peraturan sedia ada dan setiap pemegang permit perlu patuh kepada garis panduan ketat termasuk tidak menggunakan kekerasan ketika menjalankan proses pemilikan semula.

"Mengikut data, sebanyak 3,869 pemegang permit EPS yang sah sudah berdaftar di seluruh negara melalui sistem MyEPS dan mereka tertakluk kepada peraturan ketat yang ditetapkan mengikut Akta Sewa Beli 1967 (Akta 212)," kata KPDN.

Menurut KPDN, antara syarat yang perlu dipatuhi termasuklah tidak dibenarkan memasuki premis tanpa keizinan atau tanpa perintah mahkamah, wajib menunjukkan kad pengenalan dan dokumen ber-

kaitan kepada penyewa, memberi masa munasabah untuk penyewa mengeluarkan barangan peribadi, melakukan dokumentasi bergambar keadaan kenderaan dan menyenaraikan inventori serta wajib membuat laporan polis dalam masa 24 jam selepas kenderaan ditarik.

"Sebarang bentuk keganasan atau ugutan semasa proses menarik kenderaan adalah satu pelanggaran serius dan boleh menyebabkan permit ditarik balik serta tindakan undang-undang dikenakan," katanya.

Selain itu, KPDN berkata, dalam tempoh 1 Januari 2022 hingga 25 Jun 2025, KPDN sudah melakukan 762 pemeriksaan ke atas ejen pemilikan semula dengan empat tindakan kes direkodkan mengikut Akta 212 dan sebanyak 27 aduan diterima sepanjang tempoh itu.

Menurut KPDN, walaupun jumlah kes tidak tinggi, pendekatan pencegahan sentiasa dipergiat, termasuk melalui kempen kesedaran pengguna agar lebih memahami hak mereka semasa berurusan dengan ejen penarik kereta.

"Kami juga menggalakkan orang ramai menyalurkan maklumat melalui inisiatif KITA GEMPUR, termasuk menerusi saluran seperti WhatsApp (019-848 8000), portal e-aduan (e-aduan.kpdn.gov.my), pusat panggilan (1-800-886-800) atau aplikasi Ez ADU KPDN," kata kementerian itu.

KPDN menegaskan bahawa ejen penarik kenderaan yang gagal mematuhi syarat permit dan etika kerja boleh dikenakan tindakan pembatalan permit serta pendakwaan, mengikut peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

App helps shoppers catch best prices

KUALA LUMPUR: The Price Catcher mobile application, developed by the Domestic Trade and Cost of Living Ministry, is helping consumers compare prices of daily essentials conveniently at their fingertips.

The app enables users to plan and manage their daily expenses by comparing prices of essential items across various supermarkets and selected retail premises nationwide.

A check by Bernama at several supermarkets around the federal capital found the prices displayed on Price Catcher to be consistent with actual prices at the premises, proving the app's reliability.

However, slight price variations were observed at certain wet markets, especially in the evenings, as some traders lowered prices to clear out perishable stock.

A user, Zaid Zufri, 42, said the app has been useful in helping him plan his daily spending.

"Before coming here, I checked the price of eggs and found a tray being sold for RM12.60 the same price shown in the app. Imported onions were just RM2.90 per kg, which is cheaper compared to other places," he said at a supermarket in Taman Maluri.

For housewife Syahida Ariffin, 45, the app is especially helpful in tracking the prices of controlled items such as cooking oil and chicken, which tend to fluctuate.

"Price Catcher shows the lowest prices at nearby supermarkets and wet markets. I always check the app first before deciding where to shop, and I can save between RM15 and RM30 each time," she said.

Launched in March 2019, Price Catcher currently displays the prices of 480 selected items, which are monitored regularly by KPDN at various premises, including wet markets, hypermarkets, mini markets and grocery stores.

'Price Catcher' memudahkan pengguna banding harga, rancang perbelanjaan

KUALA LUMPUR: Pengguna tidak perlu lagi pening kepala mencari barangan keperluan pada harga berpatutan kerana mereka kini boleh membuat perbandingan harga dengan mudah menerusi aplikasi 'Price Catcher' yang dibangunkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Aplikasi berkenaan dilihat mampu menjadi 'pembantu peribadi' dalam merancang dan mengawal perbelanjaan harian, dengan membolehkan pengguna membandingkan harga barangan keperluan di pelbagai pasar raya dan premis terpilih di seluruh negara.

Tinjauan Bernama di beberapa pasar raya sekitar ibu negara mendapati harga barangan yang dipaparkan menerusi aplikasi 'Price Catcher' adalah konsisten dengan harga sebenar di premis berkenaan, sekali gus membuktikan kebolehpercayaannya.

Namun, di beberapa pasar basah, terdapat sedikit perbezaan harga terutama pada waktu petang berikutan segelintir peniaga menurunkan harga bagi menghabiskan stok.

Secara keseluruhan, aplikasi itu dilihat memberi manfaat besar kepada pengguna yang mahu berjimat dalam keadaan kos sara hidup yang mencabar, walaupun masih ramai belum mengetahui kewujudannya.

Zaid Zufri, 42, seorang daripada pengguna 'Price Catcher' mengakui aplikasi itu amat membantu dalam merancang perbelanjaan harian bagi mendapatkan penjimatan yang lebih berkesan.

"Sebelum saya ke sini, saya semak dahulu harga telur dan dapati satu papan dijual pada RM12.60, sama seperti harga di aplikasi. Bawang besar import pula cuma RM2.90

sekilogram, lebih murah berbanding tempat-tempat lain," katanya ketika ditemui di pasar raya di Taman Maluri dekat sini.

Bagi suri rumah, Syahida Ariffin, 45, aplikasi itu amat membantu terutama ketika mencari barangan kawalan seperti minyak masak dan ayam yang sering berubah-ubah harganya.

"Aplikasi 'Price Catcher' paparkan harga terendah di pasar raya dan pasar basah berhampiran. Jadi, saya buat semakan melalui aplikasi ini dahulu sebelum pilih pasar raya yang tawarkan harga lebih murah, dapat jimat antara RM15 hingga RM30 bagi setiap pembelian," katanya.

Bagaimanapun, tinjauan turut mendapati masih ramai pengguna yang tidak menyedarikewujudanaplikasi berkenaan termasuk Fadilah Fauzi, 30, yang mengakui beliau hanya membeli barangan keperluan di pasar raya berhampiran tanpa ambil peduli soal perbandingan harga.

"... tapi bila dah tahu pasal aplikasi ini, saya berminat juga untuk guna bagi menjimatkan perbelanjaan," katanya.

Pekerja swasta, Mohd Ashraf Zamri, 35, pula mengakui faktor kesibukan menyebabkan beliau tidak pernah membuat semakan harga sebelum membeli.

"Saya beli ayam standard ini pada harga RM10 sekilogram, tapi bila semak guna aplikasi ini rupa-rupanya ada tempat yang tawarkan harga lebih murah," katanya yang memuat naik aplikasi berkenaan selepas ditunjukkan oleh pemberita.

Dilancarkan pada Mac 2019, 'Price Catcher' kini memaparkan harga 480 barangan terpilih yang dipantau secara berkala oleh KPDN di pelbagai premis termasuk pasar basah, pasar raya besar, pasar mini dan kedai runcit. — Bernama

Rave reviews on Price Catcher app

KUALA LUMPUR: The Price Catcher mobile application, developed by the Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN), is helping consumers compare prices of daily essentials conveniently at their fingertips.

The app enables users to plan and manage their daily expenses by comparing prices of essential items across various supermarkets and selected retail premises nationwide.

A Bernama check at several supermarkets around the federal capital found the prices displayed on Price Catcher to be consistent with actual prices at the premises, proving the app's reliability.

However, slight price variations were observed at certain wet markets, especially in the evenings, as some traders lowered prices to clear out perishable stock.

Despite its potential to help users save money amid the rising cost of living, the

app remains underutilised, with many consumers still unaware of its existence.

A user, Zaid Zufri, 42, said the app has been useful in helping him plan his daily spending more effectively.

"Before coming here, I checked the price of eggs and found a tray being sold for RM12.60 - the same price shown in the app. Imported onions were just RM2.90 per kg, which is cheaper compared to other places," he said when met at a supermarket in Taman Maluri.

For housewife Syahida Ariffin, 45, the app is especially helpful in tracking the prices of controlled items such as cooking oil and chicken, which tend to fluctuate.

"Price Catcher shows the lowest prices at nearby supermarkets and wet markets. I always check the app first before deciding where to shop, and I can save between RM15 and RM30 each time," she said.

Sekolah dari Melaka cemerlang di CONFEST

Jadi platform pelajar serlahkan bakat dan pemahaman tentang hak pengguna

Oleh **ROSHLAWATY RAEIH**
KOTA KINABALU

Festival Pengguna 2025 (CONFEST 2025) melabuhkan tirainya dengan penuh gemilang apabila beberapa buah sekolah dari Melaka berjaya mengharumkan nama masing-masing melalui pelbagai kemenangan dalam acara dipertandingkan.

Program selama tiga hari yang berlangsung dari 11 hingga 13 Julai 2025 di International Technology & Commercial Centre (ITCC) Penampang, Kota Kinabalu, Sabah itu dianjurkan Bahagian Gerakan Kepenggunaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Ia menentangkan pendektan hiburan didik (edutainment) sebagai wadah menyampaikan mesej kepenggunaan kepada masyarakat khususnya golongan muda.

Antara pencapaian membanggakan melibatkan sekolah di Melaka dibuktikan menerusi Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tun Haji Abdul Malek yang meraih naib johan Sketsa Musikal Kepenggunaan, manakala pelajarannya, Sarvena Vijey Ganes diumumkan Pengarah Sketsa Terbaik Keseluruhan dan membawa pulang wang tunai RM500.



Muhammad Jibril (tengah) diumumkan Pelakon Lelaki Terbaik Keseluruhan sekali gus membawa pulang wang tunai RM500.

Dari sekolah sama, Muhammad Jibril Md Maarof dinobatkan sebagai Pelakon Lelaki Terbaik Keseluruhan, juga menerima wang tunai RM500.

SMK Durian Tunggal pula muncul sebagai naib johan dalam kategori Kelab Pengguna Sekolah.

Sementara itu, Gerakan Pengguna Siswa dari Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) Kampus Perempuan Melayu Melaka diumumkan tempat ketiga manakala wakil Gerakan Pengguna Negeri dan Gerakan Pengguna Daerah (Melaka Tengah) turut cemerlang apabila meraih johan dan naib johan dalam kategori masing-masing.

Selain Melaka, beberapa sekolah dari negeri lain turut merangkul kejayaan dalam CONFEST 2025.

Sekolah Kebangsaan (SK) Felcra Bukit Kepong, Muar, Johor dinobatkan sebagai naib johan



MOHD HAZIMIN

dalam Bicara Berirama Kepenggunaan manakala muridnya, Nik Assafeyya Nik Aziz menerima Anugerah Konduktor Terbaik Bicara Kepenggunaan atas persembahan yang penuh bersemangat dan teratur.

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) muncul sebagai Juara *Battle of The Band* dan Al-Wafa, Negeri Sembilan pula bergelar naib juara acara Explorasi Trolis Pintar.

Dalam pada itu, Pengarah KPDN Negeri Melaka, Dr Mohd Hazimin Jamaludin berkata, usaha memperkasa ilmu kepenggunaan akan terus dipergiat melibatkan sekolah, universiti dan gerakan pengguna seluruh negeri.

"Matlamatnya jelas, menjadikan Melaka sebagai peneraju literasi kepenggunaan yang mampu menyerlah di pentas kebangsaan," katanya.



Keceriaan jelas terpancar pada wajah pasukan SMK Tun Haji Abdul Malek yang turut diraikan oleh Mohd Hazimin (tengah) selepas mencatat kejayaan manis dalam CONFEST 2025.

Syarikat umrah, pengarah didakwa gagal bayar tuntutan RM232,526.80

Kota Kinabalu: Sebuah syarikat yang menawarkan pakej umrah dan pengarahnya, didakwa di Mahkamah Majistret, di sini, semalam kerana gagal mematuhi keputusan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia yang memerintahkan pembayaran tuntutan berjumlah RM232,526.80 kepada enam individu.

Syarikat berkenaan, Emraz Travel & Tours Sdn Bhd dan pengarahnya, Datuk Zulkarnain Endut, 44, masing-masing menghadapi enam pertuduhan mengikut Seksyen 117(1) Akta Perlindungan Pengguna 1999, yang memperuntuk hukuman denda sehingga RM10,000, penjara dua tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Zulkarnain sebagai pengarah dan bagi pihak syarikat, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Dzul Elmy Yunus.

Berdasarkan kertas pertuduhan, syarikat itu dan Zulkarnain melakukan kesalahan terbabit di antara Julai 2023 hingga Januari 2024 di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Sabah, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Jalan UMS.

Syarikat terbabit dan Zulkarnain gagal mem-

bayar tuntutan kepada enam individu, membabitkan jumlah tuntutan antara RM24,666.80 hingga RM50,000 dengan keseluruhannya berjumlah RM232,526.80.

Mahkamah menetapkan 23 September ini untuk pengurusan kes sebelum perbicaraan dan membenarkan jaminan sebanyak RM1,000 bagi setiap pertuduhan, dengan seorang penjamin tempatan.

Syarat tambahan turut dikenakan, iaitu tertuduh perlu melaporkan diri di pejabat KPDN Putrajaya pada setiap 17 hari bulan.



Zulkarnain Endut

Fails to heed six Consumer Tribunal awards

Umrah packages: Firm hauled up

Jo Ann Mool

KOTA KINABALU: A company offering Umrah packages and its director were charged in the Magistrates' Court here on Tuesday with failing to comply with six Consumer Claims Tribunal awards ordering them to pay RM232,536.80 to six individuals.

Emraz Travel & Tours Sdn Bhd, represented by its Director Datuk Zulkarnain Endut, 44, and Zulkarnain, in his capacity as a director, pleaded not guilty before Magistrate Dzul Elmy Yunus after the charges were read out.

The company and Zulkarnain, were each slapped with six counts under Section 117(1) of the Consumer Protection Act 1999, which carries a fine of up to RM10,000, a jail term of up to two years, or both, on conviction.

The charges stated that the company and Zulkarnain were alleged to have failed to comply with the award of the Consumer Claims Tribunal, which required them to pay claims to six claimants, ranging from RM24,666.80 to RM50,000, totalling RM232,536.80.

The offences were allegedly committed at the Sabah Domestic Trade and Cost of Living Ministry, Federal Government Administrative Complex, Jalan UMS, here, between July 24, 2023 and Jan 25, 2024.

They were accused of failing to pay RM24,666.80 to Mahmuddin Purag (order dated July 17, 2024); RM27,870 to Mariani



Tarin (June 26, 2023); RM30,000 to Muhidin Ismail (Sept 9, 2023); and RM50,000 each to Jamilah Othman, Nur Aimi Naziha Norjain and Norjain Nudin, all three awards dated Nov 21, 2023.

The Magistrate set Sept 23 for pre-trial case management (PTCM) and granted bail of RM1,000 with one local surety for each charge, with the additional condition that Zulkarnain report to the Domestic Trade and Cost of Living Department office in Putrajaya on the 17th of every month.

Deputy Public Prosecutors (DPP) of Domestic Trade and Cost of Living Ministry, Shafiq Mahadi and Md Syafique Md Hilmie prosecuted while the company and Zulkarnain were represented by counsel



Zulkarnain outside the courtroom after the proceedings.

Farah Nazriah Chun Lee @ Mohd Fadzlee Lee.

DPP Shafiq submitted that the case involved public interest, as it concerned numerous Umrah pilgrims who were unable to perform their pilgrimage and had suffered losses amounting to hun-

dreds of thousands of ringgit.

On that basis, the prosecution offered bail to Zulkarnain at RM2,000 with one local surety for each charge against him.

DPP Shafiq also applied for PTCM date to be fixed two months from Tuesday, as well as for mention to update the court on the status of Zulkarnain's wife, who is the third accused in the present case.

The update concerns when she would be fit to travel to Sabah to face the charges against her, as she is currently in the 11th week of a high-risk pregnancy.

Earlier, Farah applied for the warrant of arrest issued against the third accused, Datin Mazuin Mustafa, who is also a director of the company and Zulkarnain's wife, to be revoked.

She informed the court that Mazuin was unable to travel due to her high-risk pregnancy, which is her first, as confirmed in a medical report from Hospital Putrajaya dated June 20 this year.

Farah also requested a lower bail amount for Zulkarnain, citing that he is a Malaysian from Terengganu, is married, and currently has no fixed source of income.

She further informed the court that his company, Emraz Travel & Tours Sdn Bhd, had been wound up since July 17, 2024, and that its bank account had also been frozen under the Anti-Money Laundering Act (AMLA).

She also said that Zulkarnain is facing multiple similar charges across Malaysia, including in Sarawak, Sabah and Peninsular Malaysia.

Company, director claim trial over unpaid refunds

Jenne Lajjun

KOTA KINABALU: A travel company and its director pleaded not guilty at a Magistrate's Court here on Tuesday to six charges of failing to comply with Consumer Claims Tribunal (TTPM) orders to refund a total of RM232,526.80 to six individuals.

Emraz Travel & Tours Sdn Bhd and its director, Datuk Zulkarnain Endut, 44, claimed trial before magistrate Dzul Elmy Yunus. Both were granted bail of RM1,000 with one local surety for each charge.

Zulkarnain entered the pleas on behalf of himself and the company. He was represented by counsel Farah Nazriah Chun Lee @ Mohd Fadzlee Lee, while Deputy Public Prosecutors Shafiq Mahadi and Md Syafique Md Helmie appeared for the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN).

The company and Zulkarnain



Datuk
Zulkarnain
Endut

face six charges under Section 117(1) of the Consumer Protection Act 1999 for failing to comply with TTPM award orders. If convicted, they face a fine of up to RM10,000, imprisonment of up to two years, or both.

According to the charges, they allegedly failed to pay the awarded claims — ranging from RM24,666.80 to RM50,000 — between 24 July 2023 and 25 January 2024 at the KPDN Sabah office, Federal Government Administrative Complex, Jalan UMS.



Around
The
Courts

The third accused, Datin Mazuin Mustafa — Zulkarnain's wife and also a company director — was absent due to a high-risk pregnancy, supported by a medical report from Putrajaya Hospital dated 20 June 2025.

Her lawyer informed the court that this is her first pregnancy and is into the 11th week, with travel deemed unsafe.

Counsel Farah Nazriah requested that the arrest warrant against Mazuin be revoked, to which the prosecution had no objection.

Deputy Public Prosecutor Shafiq requested that a pre-trial case management (PTCM) be scheduled in two months and that the court be updated

on Mazuin's ability to attend. He noted the case is of public interest due to its connection with multiple Umrah packages and substantial financial losses.

He also proposed bail at RM2,000 per charge with one local surety, along with a condition for the accused to report to KPDN on the 17th of every month.

Farah Nazriah appealed for minimal bail, citing that the accused is a Malaysian citizen with no fixed income following the company's winding-up on 17 July 2024. She also highlighted the accused's personal responsibilities, including his wife's medical condition.

The accused are facing other charges throughout Malaysia, including in Sabah, Sarawak and Peninsular Malaysia.

The court fixed 23 September 2025 for pre-trial case management and maintained bail at RM1,000 per charge with one local surety.

Sindiket penjualan baja secara haram di kawasan elit tumpas

MELAKA: Kegiatan membungkus dan mengedar baja kawalan secara haram yang dijalankan di kawasan perumahan elit di negeri ini tumpas hasil serbuan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Melaka, semalam.

Operasi hasil risikan selama seminggu itu berjaya membongkar tindakan sindiket menyewa tiga buah rumah banglo mewah di kawasan berpagar untuk dijadikan 'kilang' membungkus semula baja sebelum diedarkan ke seluruh negara.

Pengarah KPDN Melaka, Dr. Hazimin Jamaludin berkata, kegiatan itu dikesan hasil aduan masyarakat dan berjaya dihidu menerusi Ops Samar yang digerakkan secara agresif di seluruh negeri.

Hasil siasatan mendapati sindiket berkenaan menyewa rumah banglo di kawasan elit yang kawalannya sangat ketat, menyebabkan ia sukar dikesan.

"Sebanyak 4.1 tan baja dianggarkan bernilai RM6,789 dirampas dan dipercayai telah dijual



PEGAWAI KPDN Negeri Melaka memeriksa baja ketika membuat serbuan di sebuah kawasan perumahan elit di Ayer Keroh.

secara dalam talian terutama menerusi TikTok.

"Kami mendapati alat timbang digunakan tidak ditentusahkan, selain baja itu dibungkus semula menggunakan sukatan tidak tepat, sekali gus menyalahi undang-undang," katanya selepas

mengetuai operasi berkenaan.

Siasatan awal mendapati kesemua baja dibeli dari tempat lain yang kemudian dibungkus semula dalam kuantiti kecil dan dijual semula dengan keuntungan berlipat ganda hingga RM400,000 sebulan.

Man fined RM55,000 for possessing 10,400 litres of diesel without permit

KUCHING: The Sessions Court here yesterday fined a man RM55,000 in default six months' imprisonment after he pleaded guilty to unlawful possession of 10,400 litres of diesel.

Judge Zuraidah Zakaria handed down the sentence on Mark Clifton Song Choon Hua, 25, and ordered that the proceeds from the sale of the fuel, totalling RM22,672, be forfeited to the government.

Mark was charged under Section 21 of the Control of Supplies Act 1961, punishable under Section 22(1) of the same

Act, with possessing the diesel without a licence or permit at a warehouse on Jalan Stampin at around 11am on June 27, 2024.

Based on the facts of the case, an enforcement team raided the warehouse and discovered a lorry, 30 intermediate bulk containers (IBC), three large hoses, and three electric pumps.

Upon inspecting the vehicle and IBC tanks, the team uncovered 10,400 litres of diesel, which is a scheduled controlled item under the Control of Supplies Act 1961. The accused, who was present at the warehouse, was detained for

investigation.

Investigations determined that the fuel belonged to the accused; however, records from the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living showed no licence or permit had been issued in the name of the accused to handle scheduled controlled goods.

It was also discovered that the seized diesel had been purchased from petrol stations around Kuching.

Deputy public prosecutor Iezzah Iburdanisha Ibrahim handled the prosecution, while the accused was unrepresented.

Lelaki mengaku bersalah simpan 10,400 liter minyak diesel tanpa lesen

KUCHING: Seorang lelaki dijatuhi hukuman denda RM55,000 atau enam bulan penjara oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam selepas mengaku bersalah menyimpan 10,400 liter minyak diesel tanpa lesen.

Hakim Zuraidah Zakaria menjatuhkan hukuman itu terhadap Mark Clifton Song Choon Hua, 25, dan memutuskan agar hasil jualan minyak diesel sebanyak RM22,672 dirampas dan dilucut hak untuk dijadikan hasil kerajaan.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 22(1) Akta Kawalan Bekalan 1961.

Fakta kes mendedahkan pada 27 Jun 2024, lebih kurang jam 11.00 pagi, sepasukan penguat kuasa telah melakukan serbuan ke sebuah gudang di Jalan Stampin, Batu 7 di sini.

Semasa serbuan, pasukan menemui sebuah lori, 30 unit tangki Intermediate Bulk Container (IBC), tiga unit hos bersaiz besar dan tiga unit pam elektrik.

Selepas melakukan pemeriksaan terhadap kenderaan berkenaan dan tangki IBC, pasukan penguat kuasa menjumpai 10,400 liter minyak diesel yang merupakan barang kawalan berjadual di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Selain merampas kesemua barangan tersebut, pasukan turut menahan tertuduh

yang berada di kawasan berkenaan untuk siasatan dan tindakan lanjut.

Hasil siasatan mendapati minyak diesel yang merupakan barang kawalan dan disimpan di dalam tangki IBC di lokasi kejadian adalah milik tertuduh.

Bagaimanapun, berdasarkan pengesahan dan rekod Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, didapati tiada sebarang lesen atau permit barang kawalan berjadual dikeluarkan atas nama tertuduh.

Siasatan lanjut juga mendapati minyak diesel yang dirampas tersebut dibeli dari stesen-stesen minyak di kawasan Kuching bagi tujuan melakukan kesalahan.

Sehubungan itu, tertuduh melakukan kesalahan di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 iaitu memiliki barang kawalan berjadual dalam keadaan yang menimbulkan syak munasabah bahawa satu kesalahan telah dilakukan di bawah Peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (PPKB) 1974.

Peraturan tersebut merujuk kepada kesalahan berurusan dengan barang kawalan berjadual tanpa lesen yang sah daripada Pengawal Bekalan dan kesalahan ini boleh dihukum di bawah Seksyen 22(1) Akta Kawalan Bekalan 1961.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Iezzah Iburdanisha Ibrahim sementara tertuduh tidak diwakili peguam.



► 执法员
检查娱乐场所是否按
规营业。(国内贸易及生
活成本部纳闽脸书图)
◀ 执法员检查商家的相关执
照。(国内贸易及生活成本部纳
闽脸书图)
► 夜间营业的餐饮业者
配合检查。(国内贸易及
生活成本部纳闽脸
书图)

內貿部突檢閩135商家 4夜店業者違規挨罰

(纳闽15日讯) 国内贸易及生活成本部(KPDN)纳闽执法组于周日晚间突击检查岛上135间商业场所, 锁定夜间营业的餐饮及娱乐场所, 向4名违规商家开出罚单。

其中3名商家因未在商品上标

明售价, 违反2011年价格控制与反暴利法令(第723号法令), 被执法员开出罚单。

另一名卡拉OK业者因使用未校准的计时设备来计量包厢使用时间, 违反1972年量衡法令(第71号法令), 亦遭到罚款处理。



KPDN强调将持续加强监督与突击检查, 以确保各商家遵守现行法律规定。

陳超耀：內貿部推出應用程式 “貨比三家消費精明”

（美里15日讯）砂旅游、创意产业及表演艺术部副部长（旅游）拿督陈超耀表示，我们深知生活成本和物价，是民众最关心的议题，因此消费者必须掌握正确知识和工具，才能在日常消费中，做出明智而审慎的选择。

由于陈超耀昨日不克出席由美里县新闻局举办的卑尔骚选区属下之昌明社区活动兼消费者讲座，由美里市议员陈立仁代读其讲稿。

陈超耀乐见联邦政府透过国内贸易和生活费部，推出“Price Catcher”應用程式，这是一项数字计划，允许用户仅透过智能手机，轻松及快速地比较各个商家的日常必需品价格。

他表示，使用“Price Catcher”應用程式，消费者可以更有效地规划购买，节省时间和金钱，并避免浪费，所以这是一种赋予用户数字化权力的方式，与昌明大马的核心理念相契合，尤其是在效率、福利和包容性方面。

“我呼吁参加此项昌明社区活动及消费者讲座的每个人，都成为周边社区的信息传播者，宣传‘Price Catcher’應用程式的存在，以及消费者素养的重要性。”

此外，陈超耀认为，为了确保联邦政府政策和措施成功，昌明社区发挥著至关重要作用，即扮演政府与民众之间的沟通桥梁，传递政府政策相关讯息，并鼓励社区积极参与国家发展议程。

他相信，昌明社区也能够成为改变的推动者，特别是在培养明智、敏感和负责任的消费者态度方面，因此在政府与社区的密切合作下，所有计划中的消费者项目，都将更加有效，更是惠及社会各阶层。



砂旅游、创意产业及表演艺术部副部长（旅游）陈超耀的代表美里市议员陈立仁（右四）赠送感谢状给美里内贸局官员阿兹旺迪（左四）。



前排左起为美里革达央人协会主席莫哈末阿都拉、卑尔骚选区属下之昌明社区代表兼苏必士县议员朱莱喜、陈立仁、美里县新闻局局长艾达娃蒂、美里内贸局价格监督官员伊娃及阿兹旺迪等人于讲座上合影。



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Drug price hike *anxiety*



Minimal immediate impact is expected for Malaysia with the proposed 200% tariff on pharmaceutical products imported into the United States. The government and relevant industries should increase local production of medicine to mitigate the effects, say stakeholders.

**> See report on page 6
by FAZLEENA AZIZ and
RAGANANTHINI VETHASALAM**

Photo: YAP CHEE HONG/The Star

Plan B if pharma hike prices

Tariff threat may be minimal but alternative sources needed

By FAZLEENA AZIZ and
RAGANANTHINI VETHASALAM
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: US President Donald Trump has threatened to impose a 200% tariff on pharmaceutical imports into the United States, and while global pharma giants are awaiting further developments, stakeholders anticipate a minimal impact on Malaysia at this juncture.

While Malaysia is facing 25% tariffs on various exports to the US, the impact from this industry remains uncertain, leaving the government, particularly the Health Ministry, sourcing for alternatives to mitigate the supply chain.

According to research from Pharmaceutical Research and Manufacturers of America (PhRMA), it is estimated that a tariff of 25% on pharmaceutical imports would drive up US drug prices by almost RM217bil (US\$51bil) annually, increasing domestic prices by as much as 12.9% if passed on.

The group called out Trump's proposal as counterproductive to health outcomes.

With this scenario looming, Malaysian Pharmacists Society (MPS) president Prof Amrahi Buang stressed on the urgent need for the government to take proactive measures by initiating direct negotiations with pharmaceutical companies to reduce prices.

"This issue pertains to medicine security, and it is certain that geopolitics will influence trade and the availability of patented drugs from the US for our patients.

"However, government procurement has a specific method to handle this under Treasury Instructions.

"Under Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, Malaysia has

"We should monitor the situation but not panic, as although the proposed tariff may rattle global markets, Malaysia is relatively well-positioned to manage the impact."

Datuk Dr Kuljit Singh

established numerous connections with non-US markets in the region, including Asean, China, Japan, Europe, and BRICS.

"Since we import 60% of our medicines, various efforts have been made to increase local production. If we can cut wastage with better medicine adherence, this is applaudable too," he said.

"The Treasury Instructions are financial regulations and accounting procedures issued by the Treasury Department to manage government finances, which are binding on all accounting officers of the Federation and the states.

"It covers various aspects of financial management, including budget, revenue, expenses, earnings and public assets," added Amrahi.

Pharmaniaga Berhad managing director Zulkifli Jafar said the local pharmaceutical giant does not engage in direct exports with the United States; thus, it does not anticipate any immediate impact on its operations.

"Nevertheless, we recognise that global trade is deeply interconnected, where developments in one region can have cascading effects on supply chains worldwide.

"We will closely monitor the situation and maintain active engagement with our local and

international suppliers to assess potential risks and align on appropriate contingency plans.

"This proactive approach ensures we are prepared to respond swiftly, should the need arise. Our priority remains clear: to always ensure uninterrupted delivery of our products and services to customers," he added.

Association of Private Hospitals Malaysia (APHM) President Datuk Dr Kuljit Singh said Trump's proposed 200% tariff on foreign-made medicines may have indirect effects on the healthcare sector, due to the deeply interconnected nature of global pharmaceutical supply chains.

"We expect the immediate shock to Malaysia to be minimal, as, unlike the US, Malaysia has a healthy generics and Active Pharmaceutical Ingredients (API) ecosystem, and we tend to rely on well-established, essential medicines rather than newer, high-cost therapies targeted to Western markets.

"Furthermore, the global supply chain is already segmented geographically due to pricing and market strategies, and Malaysia's role in that system is unlikely to be seriously disrupted," he said.

However, Dr Kuljit said if tariffs lead to increased pressure on major exporters like India, China,

and the European Union to prioritise US-bound shipments in the next 18-month grace period, it could lead to price increases or delays for essential medicines in secondary markets like Malaysia for categories such as antibiotics, chronic disease medications, and certain vaccines.

"These impacts would only materialise if the policy was fully implemented and sustained over time. To date, many of Trump's tariff threats across sectors like steel, autos and now pharmaceuticals have generated short-term international concern, but often with limited long-term follow-through," he said.

"For long-term resilience, it would be helpful for Malaysia to look into diversifying suppliers and investing in local pharmaceutical production.

"We should monitor the situation but not panic, as although the proposed tariff may rattle global markets, Malaysia is relatively well-positioned to manage the impact," he added.

Malaysian Community Pharmacy Guild (MCPG) president Sarah Abdullah said the tariffs may not have significant impacts on medicine prices, adding that the escalation of wars and geopolitical conflict would be a reason to be more concerned about, as that would disrupt the supply chain.

As for generic medicines, she said local manufacturers will not be impacted in sourcing raw materials.

"Possibly, there might be higher demand. It depends; if the branded companies increase their prices, then maybe patients will opt to go for generic medicine, which is okay because they are of good quality and also abide by Good Manufacturing Practices standards," she said.

Lari 2km elak ditahan memandu tanpa lesen

Kuala Terengganu: Cubaan seorang lelaki Rohingya melarikan diri sejauh kira-kira dua kilometer selepas didapati memandu tanpa lesen gagal apabila dia berjaya ditahan dalam satu operasi bersepadu semalam.

Lelaki berusia 35 tahun dan pemegang kad Suruhanjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) itu memecut kereta dipandunya selepas terserempak dengan pegawai Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) negeri.

Bagaimanapun, cubaan lelaki itu gagal apabila kereta dipandunya dipintas kenderaan pegawai JIM yang mengekorrinya.

Ketika soal siasat dilakukan, lelaki itu mengaku memandu kereta untuk menghantar dan mengambil penumpang daripada kalangan warga asing sejak 1998.

Pengarah JIM negeri, Mohd Yusri Mohd Nor berkata, kereta itu diserahkan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk tindakan selanjutnya.

Katanya, seramai 120 warga asing dan penduduk tempatan diperiksa dalam Op Bersepadu selama tiga jam bermula kira-kira 10 pagi.

"Kita melakukan serbuan dan pemeriksaan ke atas 12 premis perniagaan termasuk sebuah kilang batu di sekitar Kuala Nerus dan Kuala Terengganu," katanya.

Daripada jumlah itu, katanya, seramai 11 warga asing termasuk seorang wanita Indonesia

berusia 37 tahun ditahan kerana memasuki negara tanpa kebenaran.

"Wanita warga Indonesia ditahan di sebuah kedai runcit di daerah Kuala Nerus dan disiasat mengikut Seksyen 6(1) (c), Akta Imigresen 1959/63, kerana memasuki negara tanpa pas atau permit sah," katanya.

Terdahulu, Mohd Yusri mengetuai Op Bersepadu membabitkan Majlis Keselamatan Negara (MKN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) serta Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT).

Mengulas lanjut, Mohd Yusri berkata, warga asing yang ditahan adalah tiga lelaki Myanmar dan tujuh lelaki Bangladesh berusia antara 20 dan 40 tahun.

"MBKT juga mengeluarkan kompaun atas kesalahan tidak memiliki lesen perniagaan dan premis kotor.

"KPDN juga turut mengeluarkan saman atas kesalahan timbang dan sukat serta akta pengatur," katanya.



Kita melakukan serbuan dan pemeriksaan ke atas 12 premis perniagaan termasuk kilang batu di sekitar Kuala Nerus dan Kuala Terengganu"

Mohd Yusri



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 16 JULAI 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
16-Jul	PRICE CATCHER' MUDAHKAN PENGGUNA BANDING HARGA, RANCANG PER-BELANJAAN	https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2445430	BERNAMA
16-Jul	Price Catcher app helps consumers compare prices, manage daily expenses	https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2445430	BERNAMA
16-Jul	Price Catcher app helps consumers compare prices, manage daily expenses	https://thesun.my/cerita/berita/price-catcher-mudahkan-pengguna-banding-harga-rancang-perbelanjaan-KG14475197#google_vigne	THE SUN
16-Jul	Price Catcher app helps consumers compare prices, manage daily expenses	https://www.sinardaily.my/article/728832/focus/national/price-catcher-app-helps-consumers-compare-prices-manage-daily-expenses	SINAR DAILY
16-Jul	KPDN Melaka rampas 4.1 tan baja di perumahan elit	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/kpdn-melaka-rampas-4-1-tan-baja-di-perumahan-elit	RTM
16-Jul	KPDN in final phase of finalising DPN 2.0 implementation	https://newswav.com/article/kpdn-in-final-phase-of-finalising-dpn-2-0-implementation-A2507_hx4PIU	NEWSWAV
16-Jul	Orang ramai digesa lapor segera kenaikan harga tidak munasabah	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/orang-ramai-digesa-lapor-segera-kenaikan-harga-tidak-munasabah	RTM
16-Jul	Penarik kereta samseng akan diambil tindakan tegas - KPDN	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/07/1241037/penarik-kereta-samseng-akan-diambil-tindakan-	HARIAN METRO

16-Jul	KPDN akan ambil tindakan penarik kereta samseng	https://malaysiatribune.news/berita-semasa/kpdn-akan-ambil-tindakan-penarik-kereta-samseng/	MALAYSIA TRIBUNE
16-Jul	Emraz Travel didakwa gagal patuhi Tribunal Tuntutan Pengguna perintah bayar lebih RM200,000	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/07/1420321/emraz-travel-didakwa-gagal-patuhi-tribunal-tuntutan-pengguna-perintah	BERITA HARIAN
16-Jul	Pengendali pakej umrah dan pengarah didakwa gagal bayar balik tuntutan lebih RM200,000	https://sabahmedia.com/2025/07/15/pengendali-pakej-umrah-dan-pengarah-didakwa-gagal-bayar-balik-tuntutan-lebih-rm200000/	SABAH MEDIA
16-Jul	Syarikat umrah, pengarah didakwa gagal bayar tuntutan RM232,526	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/07/1241106/syarikat-umrah-pengarah-didakwa-gagal-bayar-tuntutan-rm232526	HARIAN METRO
16-Jul	Umrah package firm, director charged for ignoring tribunal's RM232,000 award to consumers	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/07/1245253/umrah-package-firm-director-charged-ignoring-tribunals-rm232000	NST
16-Jul	砂贸消部接手柴油走私案 充公物资总值逾12万令吉	https://news.seehua.com/post/1343620	SEE HUA
16-Jul	Shopee Kenakan Caj 50 Sen Kepada Penjual Bagi Setiap Jualan Berjaya – Mulai 16 Julai 2025	https://rnggt.com/202542113/	RNGGT
16-Jul	KPDN Melaka bongkar aktiviti bungkus, jual baja di perumahan elit	https://api.bharian.com.my/berita/nasional/2025/07/1420327/kpdn-melaka-bongkar-aktiviti-bungkus-jual-baja-di-perumahan-elit	BERITA HARIAN
16-Jul	Tiga buah banglo diserbu simpan 41,000 kg baja	https://www.kosmo.com.my/2025/07/15/tiga-buah-banglo-diserbu-simpan-41000-kg-baja/	KOSMO

16-Jul	KPDN Melaka serbu 3 banglo jadi pusat bungkus semula baja	https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-melaka-serbu-3-banglo-jadi-pusat-bungkus-semula-baja/	TV3
16-Jul	Illegal fertiliser repackaging op raking in RM400,000 monthly profits busted in Melaka	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/07/15/illegal-fertiliser-repackaging-op-raking-in-rm400000-monthly-profits-busted-in-	THE STAR
16-Jul	3 banglo jadi pusat bungkus semula baja, jualan kena serbu	https://www.hmetro.com.my/muta-khir/2025/07/1241112/3-banglo-jadi-pusat-bungkus-semula-baja-jualan-kena-	HARIAN METRO
16-Jul	Raih RM400,000 jual baja di TikTok, tiga banglo diserbu	https://www.sinarharian.com.my/article/738821/berita/semasa/raih-rm400000-jual-baja-di-tiktok-tiga-banglo-	SINAR HARIAN
16-Jul	PRICE CATCHER' MUDAHKAN PENGGUNA BANDING HARGA, RANCANG PERBELANJAAN	https://thesun.my/cerita/berita/price-catcher-mudahkan-pengguna-banding-harga-rancang-perbelanjaan-KG14475197	THE SUN
16-Jul	'Price Catcher' memudahkan pengguna banding harga, rancang perbelanjaan	https://utusanarawak.com.my/price-catcher-mudahkan-pengguna-banding-harga-rancang-perbelanjaan/	UTUSAN SARAWAK
16-Jul	Price Catcher app helps consumers compare prices, manage daily expenses	https://newswav.com/article/price-catcher-app-helps-consumers-compare-prices-manage-daily-expenses-A2507_TCwLWp	NEWSWAV